



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

i

KESAN PEMBELAJARAN KOPERATIF TERHADAP PENCAPAIAN PELAJAR
DALAM TAJUK MENTERJEMAH LITAR SKEMATIK, MATA PELAJARAN
KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU

MUSTAFA KAMAL BIN SALEH

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SAINS
(PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL)
(MOD PENYELIDIKAN)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FAKULTI PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk menentukan kesan kaedah pembelajaran koperatif model STAD terhadap pencapaian pelajar dalam tajuk menterjemah litar skematik dalam mata pelajaran KHB. Kajian ini juga dijalankan untuk mengenal pasti motivasi pelajar terhadap pembelajaran koperatif. Reka bentuk kuasi-eksperimental digunakan untuk membandingkan pencapaian antara kumpulan eksperimen yang menggunakan kaedah pembelajaran koperatif dengan kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah pembelajaran tradisional. Kajian ini berlangsung selama lapan minggu terhadap pelajar tingkatan dua di dua buah sekolah iaitu sebuah di Negeri Sembilan dan sebuah lagi di negeri Melaka yang melibatkan seramai 128 orang pelajar sebagai responden. Data diperoleh melalui instrumen ujian pra-pasca, soal selidik dan protokol temu bual. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif dibuat menggunakan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Statistik inferensi seperti ujian-t, ANOVA dan korelasi digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Dapatan utama kajian mendapati pembelajaran koperatif menunjukkan kesan yang signifikan berdasarkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran KHB. Keputusan ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan antara pencapaian kumpulan eksperimen dengan pencapaian kumpulan kawalan dalam ujian pasca ($p=0.00$). Min motivasi pelajar lelaki (min=4.56) lebih tinggi berbanding dengan pelajar perempuan (4.41), manakala min motivasi pelajar yang tinggal di bandar (4.54) lebih tinggi berbanding yang tinggal di luar bandar (min=4.36). Berdasarkan ujian ANOVA didapati min pelajar opsyen ERT (4.54) lebih tinggi berbanding pelajar opsyen KT (min=4.52) dan pelajar opsyen PK (min=4.27). Sementara itu, keputusan ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi pelajar dengan pencapaian pelajar kumpulan eksperimen dengan kekuatan hubungan yang sangat kuat ($r=0.83$). Data kualitatif pula menunjukkan beberapa masalah dihadapi oleh guru dan pelajar dalam melaksanakan pembelajaran koperatif iaitu kurang kerjasama dalam kumpulan, masalah penyampaian guru, kekangan masa dan kekurangan prasarana di bengkel KHB. Secara keseluruhannya, kaedah pembelajaran koperatif adalah berkesan untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar dan sesuai diimplementasikan sebagai salah satu strategi pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran KHB di sekolah menengah.



EFFECTS OF COOPERATIVE LEARNING ON STUDENTS ACHIEVEMENT IN CIRCUIT SCHEMATIC INTERPRETATION TOPIC OF THE INTEGRATED LIVING SKILLS SUBJECT

ABSTRACT

The purpose of this study was to determine the effects of cooperative learning method using STAD model on students' achievement in circuit schematic interpretation for Integrated Living Skills subject. This study was also conducted to identify the students' motivation in cooperative learning. This study used a quasi-experimental design to compare the performance of the experimental group using cooperative learning method with a control group using traditional learning method. This study was conducted for eight weeks in two schools - a school in Negeri Sembilan and another school in the state of Melaka, involving 128 form two students as respondents. Data obtained through pre and post tests, questionnaires and interview protocol to assess the effectiveness of cooperative learning method and to identify the motivation level toward cooperative learning. Quantitative data were analyzed descriptively using frequency, percentage, mean and standard deviation. Inferential statistics such as t-test, ANOVA and correlation were used to answer the research questions. The main finding of the study showed that cooperative learning has significant effect ($p=0.00$) on students' achievement in the subjects. The t-test result showed there was a significant difference between the post tests of the experimental group and control group. The boys showed higher motivation (mean=4.56) as compared to girls (mean=4.41). Students who live in cities obtained higher mean (4.54) compared to those living in rural areas (mean=4.36). The ANOVA test found that ERT option students scored higher mean (4.54) than the other options. Meanwhile, this study found a very strong significant relationship ($r=0.83$) between students motivation and achievement for the experimental group. Based on the qualitative data, the problems constraints faced by teachers and students in implementing cooperative learning includes: lack of cooperation among the group of students, poor teachers teaching delivery, time constraints and lack of infrastructure at KHB workshop. Therefore, the cooperative learning method is effective to improve the academic achievement of the students in the subject. It is suitable to be implemented as one of the strategies for teaching and learning in the secondary schools.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii



SENARAI SINGKATAN	xviii
--------------------------	--------------

SENARAI LAMPIRAN	xvii
-------------------------	-------------

BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	2
	1.2 Latar Belakang Masalah	7
	1.3 Pernyataan Masalah	9
	1.4 Tujuan dan Objektif Kajian	11
	1.5 Persoalan Kajian	12
	1.6 Hipotesis Nol	13
	1.7 Kepentingan Kajian	14
	1.8 Batasan Kajian	15
	1.9 Kerangka Konseptual Kajian	15
	1.10 Definisi Operasional	19



	1.11	Kesimpulan	23
BAB 2		KAJIAN LITERATUR	24
	2.1	Pembelajaran Koperatif Mengikut Perspektif Teoretikal	25
	2.2	Pembelajaran Koperatif Mengikut Teori Konstruktivisme	28
	2.3	Teori Pembelajaran Koperatif	30
	2.4	Model Pembelajaran Koperatif	36
	2.5	Teknik Pembelajaran Koperatif	39
	2.6	Faktor Pemilihan Kaedah Pembelajaran Koperatif Model STAD	40
	2.7	Perbezaan antara Pembelajaran Koperatif dengan Pembelajaran Secara Tradisional	47
	2.8	Kebaikan Pembelajaran Koperatif	49
	2.9	Kajian-kajian Lepas yang Berkaitan	50
	2.9.1	Kesan Pembelajaran Koperatif Terhadap Pencapaian Pelajar (Kognitif)	54
	2.9.2	Hubungan Motivasi dalam Pembelajaran Koperatif Terhadap Pencapaian Pelajar (Sosial)	59
	2.9.3	Masalah dan Kekangan dalam Pembelajaran Koperatif	63
	2.10	Kesimpulan	66
BAB 3		METODOLOGI KAJIAN	67
	3.1	Reka Bentuk Kajian	68
	3.2	Populasi dan Sampel Kajian	72
	3.3	Instrumen Kajian	73
	3.4	Kesahan Instrumen	77
	3.5	Kebolehpercayaan Instrumen	79

3.6	Tempat Kajian	80
3.7	Uji Rintis	81
3.8	Prosedur Kajian	82
3.9	Analisis Data	85
3.10	Kesimpulan	89
BAB 4	PEMBANGUNAN MODUL PEMBELAJARAN	90
4.1	Pembinaan Modul Pengajaran dan Pembelajaran	91
4.2	Kerangka Pembangunan Modul Pembelajaran Koperatif (MKe)	91
4.2.1	Fasa Analisis dan Keperluan	93
4.2.2	Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	94
4.2.3	Fasa Penilaian	110
4.2.4	Fasa Pelaksanaan	113
4.3	Kesimpulan	114
BAB 5	DAPATAN KAJIAN	115
5.1	Analisis Bahagian A	117
5.1.1	Taburan Skor Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca	118
5.2	Analisis Bahagian B	125
5.3	Analisis Bahagian C	133
5.3.1	Persoalan Kajian Keempat	137
5.4	Analisis Bahagian D	138
5.4.1	Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Koperatif	139
5.4.2	Masalah yang Dihadapi Pelajar dalam Pembelajaran Koperatif	140
5.4.3	Faktor-faktor yang Dapat Membantu	142

Meningkatkan Pelaksanaan Pembelajaran Koperatif

5.5	Analisis Bahagian E	143
5.5.1	Persepsi Terhadap Kemajuan Pencapaian Pelajaran Pelajar (Kognitif)	144
5.5.2	Persepsi Terhadap Interaksi antara Rakan dalam Kumpulan (Sosial)	148
5.5.3	Persepsi Terhadap Aspek Motivasi dan Perasaan (Afektif)	152
5.5.4	Masalah yang Dihadapi Pelajar dan Guru Semasa Pelaksanaan Pembelajaran Koperatif	156
5.5.5	Cadangan untuk Meningkatkan Keberkesanan Pembelajaran Secara Koperatif	158

PERBINCANGAN, RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

6.1	Perbincangan Hasil Kajian Berdasarkan Data Kuantitatif	164
6.1.1	Perbincangan Berdasarkan Hipotesis Kajian	164
6.1.2	Perbincangan Berdasarkan Latar Belakang Responden	170
6.1.3	Perbincangan hasil kajian berdasarkan ujian pra-pasca dan soal selidik	171
6.2	Perbincangan Berdasarkan Data Kualitatif daripada Item Terbuka dan Temu Bual	176
6.2.1	Perbincangan Berdasarkan Item Terbuka	176
6.2.2	Perbincangan Berdasarkan Hasil Temu Bual	181
6.2.3	Perbincangan Tentang Masalah yang Dihadapi oleh Pelajar dan Guru Semasa Pelaksanaan Pembelajaran Koperatif	192
6.2.4	Perbincangan Berdasarkan Cadangan untuk	195



Meningkatkan Keberkesanan Pembelajaran Koperatif

6.3	Rumusan	198
6.4	Implikasi dan Cadangan	201
6.4.1	Cadangan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	202
6.4.2	Cadangan Kepada Pihak Pentadbir Sekolah	203
6.4.3	Cadangan Kepada Guru	204
6.4.4	Cadangan untuk Kajian Lanjutan	205
	RUJUKAN	206
	LAMPIRAN	221



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Analisis Keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) Mata Pelajaran KHB Peringkat Nasional, Tahun 2010 hingga 2012	10
2.1	Fasa-fasa Pembelajaran Koperatif	45
2.2	Perbezaan Pembelajaran Koperatif dengan Pembelajaran Tradisional	47
3.1	Skor Pencapaian dan Tahap Ujian Pra dan Ujian Pasca	74
3.2	Indeks Alfa Cronbach	80
3.3	Skor Markah Mengikut Skala Likert	85
3.4	Interpretasi Julat Skor Min	86
3.5	Aras Signifikan bagi Ujian-t dan ANOVA	87
3.6	Tahap Kekuatan Kolerasi antara Dua Pemboleh Ubah	87
5.1	Taburan Skor Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Kawalan	119
5.2	Taburan Skor Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Eksperimen	121
5.3	Skor Min dan Sisihan Piawai Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca	122
5.4	Ujian-t Perbandingan Min Markah Ujian Pra Kumpulan Eksperimen dan Min Markah Ujian Pra Kumpulan Kawalan	123
5.5	Ujian-t Perbandingan Min Markah Ujian Pasca Kumpulan Eksperimen dan Min Markah Ujian Pasca Kumpulan Kawalan	125



5.6	Demografi Responden	127
5.7	Ujian-t Perbandingan Berdasarkan Faktor Demografi Jantina	129
5.8	Ujian-t Perbandingan Berdasarkan Faktor Demografi Lokasi Sekolah	130
5.9	Ujian ANOVA Mengenai Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Koperatif Berdasarkan Faktor Demografi Opsyen KHB	131
5.10	Ujian <i>Post Hoc</i> (Tukey HSD) Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Koperatif Berdasarkan Opsyen KHB	132
5.11	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Item Soal Selidik Motivasi Pelajar Terhadap Modul Pembelajaran Koperatif	135
5.12	Hubungan antara Motivasi Pelajar dengan Pencapaian Markah Ujian Pasca Kumpulan Eksperimen	138
5.13	Persepsi Pelajar Terhadap Pelaksanaan Kaedah Pembelajaran Koperatif	140
5.14	Masalah yang Dihadapi Pelajar dalam Kaedah Pembelajaran Koperatif	141
5.15	Faktor-faktor yang Dapat Membantu Meningkatkan Keberkesanan Perlaksanaan Pembelajaran Koperatif	153



**SENARAI RAJAH****No. Rajah****Muka Surat**

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	16
2.1	Teori Pembelajaran dalam Pembelajaran Koperatif	25
3.1	Reka Bentuk Kumpulan Kawalan Tidak Serupa	69
3.2	Ringkasan Prosedur Kajian	84
4.1	Kerangka Konsep Model ADDIE	92
4.2	Kerangka Konseptual Pembangunan Modul Pembelajaran Koperatif (MKe)	93
4.3	Carta Alir Tatacara Melaksanakan Pembelajaran Koperatif Model STAD	97
4.4	Carta Alir Penggunaan Modul Pembelajaran Koperatif dalam Kumpulan Eksperimen	100
4.5	Muka Hadapan Modul Pembelajaran Koperatif	102
4.6	Unit 1- Pengenalan Pembelajaran Koperatif	103
4.7	Unit 2- Mengenal Pasti Komponen Elektronik	104
4.8	Unit 3 - Melakar Gambar Komponen Elektronik	105
4.9	Unit 4 - Menterjemah Litar Skematik	106
4.10	Unit 5 - Langkah Kerja untuk Menterjemah Litar Skematik Kemudian Melakar Lukisan Bergambar	107
4.11	Soalan dan Jawapan Kuiz Individu	107
4.12	Muka Hadapan Soalan Ujian Pra	108
4.13	Muka Hadapan Soalan Ujian Pasca Bahagian A	109
4.14	Muka Hadapan Soalan Ujian Pasca Bahagian B	110



SENARAI SINGKATAN

ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
BBM	Bahan Bantu Mengajar
B4D2E2	Band 4, Deskriptor 2, Evidens 2
DSP	Dokumen Standard Pentaksiran
EPRD	<i>Educational Policy and Research Department</i>
ERT	Ekonomi Rumah Tangga
ICT	<i>Information and Communications Technology</i>
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
KPM	Kementerian Pelajaran/Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KT	Kemahiran Teknikal
LCD	<i>Liquid-Crystal Display</i>
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
MKe	Modul Pembelajaran Koperatif
P	Pertanian
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PK	Perdagangan dan Keusahawanan
PKF	Perbincangan Kumpulan Fokus
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PT3	Penilaian Tingkatan Tiga
STAD	<i>Students Team Achievement Division</i>
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
TGT	<i>Team Games Tournament</i>
TAI	<i>Team Accelerated Instruction</i>

**SENARAI LAMPIRAN**

- A Borang Soal Selidik
- B Protokol Temu Bual
- C Soalan Ujian Pra dan Jawapan
- D Soalan Ujian Pasca dan Jawapan
- E Contoh Rancangan Pengajaran Harian dalam Modul Pembelajaran Koperatif
- F Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Item Soal Selidik
- G Keputusan Ujian-t
- H Keputusan Ujian ANOVA sehalu
- I Keputusan Ujian Korelasi
- J Statistik Soal Selidik
- K Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia
- L Surat Kebenaran Daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
- M Surat Kebenaran Daripada Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
- N Surat Permohonan Menjalankan Kajian Rintis
- O Surat Permohonan Menjalankan Kajian di SMK Lubok Cina
- P Surat Permohonan Menjalankan Kajian di SMK Panchor
- Q Contoh Borang Pengesahan Penyelia untuk Modul Pembelajaran Koperatif





R	Contoh Borang Pengesahan Pakar untuk Soal Selidik Kajian
S	Contoh Borang Pengesahan Pakar untuk Modul Pembelajaran Koperatif
T	Contoh Surat Kebenaran Ibu Bapa dan Penjaga Responden
U	Contoh Surat Jemputan Sesi Penerangan Penggunaan Modul Pembelajaran Koperatif
V	Senarai Nama Pakar Pengesahan Instrumen





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan fokus kajian iaitu pembelajaran koperatif, seterusnya pengkaji membincangkan latar belakang dan pernyataan masalah dijelaskan berserta tujuan dan objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis, kerangka konseptual kajian, kepentingan dan batasan kajian. Istilah-istilah dan definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini juga disertakan di akhir bab ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



1.1 Latar Belakang Kajian

Kurikulum mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) telah diperkenalkan di Tingkatan 1, 2 dan 3 pada tahun 1991. Ianya merupakan mata pelajaran pravokasional yang berasaskan mata pelajaran Seni Perusahaan, Sains Rumah Tangga, Perdagangan dan Sains Pertanian. Tujuan kurikulum KHB ini digubal ialah untuk melahirkan pelajar berkemahiran asas agar mereka boleh mengendalikan kehidupan secara lebih efektif dan produktif bagi memenuhi tuntutan era teknologi terkini, di samping dapat melahirkan insan yang seimbang sesuai dengan aspirasi falsafah pendidikan negara. Terdapat empat komponen dalam mata pelajaran KHB iaitu Kemahiran Teknikal (KT), Ekonomi Rumah Tangga (ERT), Pertanian (P) dan Perdagangan dan Keusahawanan (PK) yang merangkumi komponen asas seperti unsur-unsur teknologi, keusahawanan dan kekeluargaan serta murni nilai dengan menerapkan aktiviti-aktiviti *hand-on* yang mudah dan boleh digunakan dalam pelbagai situasi kehidupan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1992).



Pencapaian pelajar KHB diukur melalui dua kaedah iaitu ujian bertulis dan amali. Pada tahun 2007, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) diperkenalkan untuk menilai hasil kerja kursus pelajar secara bersepadu. Bagi memperoleh keputusan yang cemerlang sama ada dalam peperiksaan awam atau pun peperiksaan berasaskan sekolah, pelajar perlu cemerlang dalam kedua-dua kaedah penilaian ini. Pemarkahan dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) adalah mengambil kira markah kerja kursus. Sebanyak 60% markah daripada peperiksaan bertulis dan 40% lagi daripada markah kerja kursus dikira dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2008). Pada tahun 2014, Penilaian Tingkatan 3





(PT3) diperkenalkan sebagai pentaksiran pusat dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) untuk menggantikan Penilaian Menengah Rendah. PT3 perlu dilalui oleh pelajar tingkatan tiga mulai Julai 2014. Skop pentaksiran PT3 secara asasnya masih sama seperti PMR iaitu mengukur penguasaan intelek pelajar di peringkat sekolah menengah rendah secara menyeluruh (Lembaga Peperiksaan, 2014).

Kesuntukan masa untuk menyiapkan kerja kursus dan hambatan masa untuk menghabiskan sukatan pelajaran kerana terikat dengan sistem peperiksaan, menyebabkan guru KHB memilih kaedah pembelajaran tradisional (Wan Nureena Fathin, 2012). Kaedah pengajaran tradisional lebih sesuai digunakan di dalam kelas yang mempunyai bilangan pelajar yang ramai dan lebih berorientasikan peperiksaan berbanding strategi pembelajaran aktif. Kaedah tradisional lebih menekankan pengajaran secara kuliah kerana boleh menyampaikan isi kandungan pelajaran dengan lebih banyak, namun kaedah ini menyebabkan pelajar menjadi pasif (Holter, 1994). (Mok, 1997) menyatakan pembelajaran tradisional tidak mengambil kira keperluan pelajar yang berbeza dari segi tahap kebolehan. Interaksi sesama pelajar tidak ditekankan. Pelajar membuat latihan secara bersendirian di dalam kelas. Sebarang masalah dan pertanyaan hanya dikemukakan kepada guru sahaja, menyebabkan guru tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk membantu semua pelajar kerana bilangan pelajar yang ramai. (Halimah, 1992). Pendekatan pembelajaran tradisional lebih berpusatkan kepada guru yang menyampaikan pengajaran secara kuliah, latihan secara individu dan didapati kurang memberi peluang kepada pelajar berfikir untuk menyelesaikan masalah (Abbot & Warfield, 1999).





Ramlee dan Zaharatul Laili (2011) menyatakan punca-punca kesukaran pelajar untuk menguasai topik elektronik disebabkan guru mengajar terlalu laju, sesi pengajaran kurang berinteraksi berkomunikasi dan kurang membuat latihan. Kegagalan untuk membantu murid mencari perkaitan antara maklumat baharu dengan pengalaman sedia adalah antara kelemahan dalam proses pembelajaran tradisional di sekolah (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Muhamad Sobri (2000) menyatakan terdapat guru hanya menggunakan buku teks sebagai bahan pengajaran yang menunjukkan bukti mereka tidak kreatif untuk menarik perhatian pelajar bagi menimbulkan suasana yang gembira di dalam kelas menyebabkan pelajar bosan dan tidak mendapat idea baharu. Seterusnya, fikiran pelajar menjadi beku dan tidak kreatif. Terdapat juga guru yang membosankan pelajar kerana cara pengajaran yang tidak berubah dari hari demi hari, minggu demi minggu dan tahun demi tahun. Pengajaran sebegini mengandaikan guru sebagai sumber ilmu dengan penglibatan pelajar adalah pada tahap yang minimum dan interaksi antara pelajar boleh dikatakan kurang atau tiada langsung.



Biggs & Telfer (1987) mengakui corak penyampaian linear dan berstruktur dikatakan tidak berjaya untuk mengujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menarik serta memotivasikan pelajar di mana suasana begini tidak menyediakan peluang untuk pelajar untuk melibatkan secara aktif di dalam kelas. Guru yang berkesan dapat menggunakan pelbagai strategi pembelajaran supaya pengajarannya menjadi lebih menarik. Menurut Silberman (2004), pembelajaran bukan sekadar mencurahkan maklumat ke dalam minda pelajar, sebaliknya memerlukan penglibatan mental dan perbuatan pelajar itu sendiri. Beliau berpendapat hanya pembelajaran yang bersifat aktif dapat membuahkan hasil pembelajaran yang sebenar dan bersifat kekal.





Dalam pembelajaran aktif, para pelajar dapat melibatkan diri dalam tugas yang melibatkan struktur pemikiran kognitif yang lebih tinggi seperti analisis, sintesis dan penilaian (Bonwell & Eison, 1991). Maka, pelajar dapat menyelesaikan masalah yang memerlukan pemikiran aras kognitif tinggi di samping mengukuhkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Menurut Carlos dan Velenchik (2006), pembelajaran aktif didapati berkesan untuk meningkatkan pemahaman pelajar dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Pengajaran dan Pembelajaran aktif adalah melibatkan teknik-teknik seperti perbincangan, permainan, simulasi, main peranan, sumbang saran, kajian kes, inkuri penemuan, pembentukan konsep, pembelajaran berasaskan masalah (*problem-based learning*) dan pembelajaran koperatif.



Menurut Graaff dan Kolmos (2003), Pembelajaran koperatif merupakan salah satu daripada pembelajaran aktif yang sesuai dilaksanakan supaya dapat memenuhi gaya pembelajaran pelajar sekarang. Unsur-unsur kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang terdapat dalam pembelajaran aktif diterapkan agar pelajar berupaya mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan untuk menyelesaikan masalah dalam kumpulan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Dalam dunia tanpa sempadan, tugas guru kini semakin mencabar. Sistem pendidikan di negara kita sedang melalui proses transformasi dengan menerima pembaharuan dari masa ke semasa seiring dengan peredaran masa yang semakin dirasakan pantas. Oleh itu, sebagai pendidik adalah menjadi tanggungjawab membawa pelajarinya untuk meningkatkan prestasi pencapaian mereka dalam peperiksaan ke tahap yang cemerlang seiring dengan ledakan dunia bermaklumat. Pemilihan strategi pengajaran





dan perancangan pengajaran yang baik dan menarik adalah faktor untuk menjadikan suasana pembelajaran lebih kondusif. Berdasarkan tinjauan literatur, salah satu pendekatan pembelajaran aktif yang sesuai dipilih dan dilaksanakan untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar ialah pembelajaran secara berkumpulan iaitu pembelajaran koperatif. Kajian Bartlett (2006), mendapati bahawa pencapaian akademik pelajar dalam peperiksaan telah meningkat. Ini menunjukkan bahawa pembelajaran koperatif memberikan kesan yang positif dan sesuai digunakan dalam pembelajaran ekonomi.



Terdapat banyak kebaikan dalam pendekatan pembelajaran koperatif, antaranya ialah pelajar berpeluang berbincang dan berinteraksi antara satu sama lain yang membolehkan pelajar memberikan idea dan belajar melalui pengalaman mereka sendiri. Nilai-nilai pembelajaran sendiri dan berdikari diterapkan kepada pelajar agar mereka bertanggungjawab ke atas pembelajaran mereka. Guru dapat membimbing pelajar mengikut tahap kebolehan pelajar dalam kumpulan yang sama kebolehan dengan menjalankan aktiviti pengayaan atau pemulihan selaras dengan kemampuan mereka. Guru juga boleh memberi peluang kepada pelajar untuk mengamalkan pengajaran rakan sebaya dalam kumpulan pelbagai kebolehan bagi memupuk semangat tolong-menolong dan bertoleransi, pembangunan sahsiah dan kemahiran sosial. Di samping untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar, pembelajaran koperatif juga mampu membangunkan kemahiran generik seperti kemahiran bekerja berkumpulan, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran penyelesaian masalah. Slavin (1983) dan Johnson dan Johnson (1991) menyatakan pelajar boleh belajar dengan lebih baik dan berupaya meningkatkan pencapaian



mereka jika mereka berpeluang belajar secara bekerjasama dalam kumpulan. Effandi Zakaria dan Abd Razak (2006) dalam kajiannya menyatakan bahawa dalam kemahiran menyelesaikan masalah, pencapaian kumpulan pembelajaran koperatif mengatasi pelajar dalam kumpulan pembelajaran tradisional.

1.2 Latar Belakang Masalah

Matlamat mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu ialah ke arah untuk melibatkan masyarakat secara kreatif, inovatif dan produktif bagi mempertingkatkan produktiviti. Menjadi tanggungjawab guru untuk membina dan mengukuhkan minat pelajar terhadap pembelajaran serta membimbing dengan menggunakan strategi pengajaran yang sesuai untuk mencapai keputusan peperiksaan yang cemerlang. Bentuk penilaian yang disarankan adalah bergantung kepada beberapa faktor termasuk isi kandungan, masa yang diperuntukkan, kemampuan pelajar dan tujuan penilaian (Pusat Pembangunan Kurikulum, 2003). Bentuk penilaian boleh dibuat secara pemerhatian berterusan, lisan dan penulisan. Penilaian kerja amali dan kerja kursus dibuat secara berperingkat berdasarkan kepada hasil kerja projek pelajar. Penilaian dibuat berdasarkan borang khas dan 'standard' digunakan. Markah kerja kursus amali diambil kira bagi tujuan pemarkahan dan gred mata pelajaran dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR). Sebanyak 40% markah diperuntukkan untuk kerja kursus amali dan 60% lagi dalam peperiksaan secara bertulis (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2008).



Dalam Sukatan Pelajaran KHB tingkatan dua sub tajuk membaca dan menterjemah litar skematik kepada lukisan bergambar terdapat dalam tajuk elektrik dan elektronik komponen teras. Manakala, dalam Sukatan Pelajaran KHB tingkatan tiga pula, tajuk elektrik dan elektronik terdapat dalam komponen elektif Kemahiran Teknikal (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002). Dalam kriteria Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) tajuk menterjemah litar skematik kepada litar bergambar terdapat dalam Modul 4, bilangan Aspek 4.5 Membaca dan menterjemah litar skematik kepada lukisan bergambar untuk amali kerja kursus reka bentuk dan teknologi. Pelajar perlu menyiapkan modul ini bagi memenuhi syarat kriteria pentaksiran kerja kursus (Lembaga Peperiksaan Malaysia, (2008). Manakala dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), Dokumen Standard Prestasi (DSP) Tingkatan dua digunakan. Tajuk ini ditaksir pada tahap *Band 4, Deskriptor 2, Evidens 2* (B4D2E2) iaitu Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman tentang asas elektronik secara sistematik. *Evidens B4D2E2* iaitu Menterjemah semua komponen dalam litar skematik kepada lukisan bergambar mengikut prosedur (Pusat Pembangunan Kurikulum, 2013).

Berdasarkan hasil dapatan daripada pemantauan dan penyelarasan pentaksiran markah amali kerja kursus oleh pentaksir-pentaksir yang dilantik oleh jabatan pelajaran negeri adalah didapati sebahagian besar pelajar tidak boleh membaca dan menterjemah litar skematik kepada litar bergambar dengan betul (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2009). Begitu juga, keputusan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran KHB menunjukkan pencapaian pelajar adalah pada tahap sederhana.



Keputusan Penilaian Menengah Rendah untuk lima tahun berturut-turut bagi tahun 2008 hingga 2012 mata pelajaran KHB (KT), KHB (ERT), KHB (Pertanian) dan KHB (PK) peringkat nasional menunjukkan peratus pelajar yang lulus gred A, B, C dan D adalah tinggi iaitu melebihi 95%, namun calon yang mendapat keputusan cemerlang A didapati kebanyakannya kurang daripada 30%. Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) pula adalah melebihi 2.3 (Lembaga Peperiksaan, 2013).

1.3 Pernyataan Masalah

Merujuk Jadual 1.1 analisis keputusan Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) peringkat nasional, menunjukkan bahawa pencapaian pelajar adalah kurang memberangsangkan. Senario ini dapat dilihat pada tiga tahun berturut-turut keputusan PMR bagi tahun 2010 hingga 2012 untuk mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Kemahiran Teknikal (KHB-KT), Ekonomi Rumah Tangga (KHB-ERT, Pertanian (KHB-P) dan Perdagangan & Keusahawanan (KHB-PK). Walaupun peratus calon yang lulus dalam gred A, B, C dan D adalah tinggi iaitu melebihi 95%, namun calon yang mendapat keputusan cemerlang gred A adalah kebanyakannya kurang daripada 30%). Manakala, Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) pula adalah melebihi 2.3. (Lembaga Peperiksaan, 2013)

Berdasarkan analisis tersebut dan laporan pentaksir Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) amali kerja kursus (LPM, 2009), didapati bahawa masalah yang dihadapi guru ialah pencapaian sebahagian besar pelajar dalam peperiksaan kurang memberangsangkan kerana tidak menguasai kemahiran menterjemah litar skematik



kepada litar bergambar dalam tajuk elektronik mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Tingkatan 2. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menentukan kesan kaedah pembelajaran koperatif terhadap pencapaian akademik pelajar dengan mengambil kira aspek kognitif, sosial, motivasi dan perasaan (afektif) pelajar.

Jadual 1.1

Analisis Keputusan Penilaian Menengah Rendah Mata Pelajaran KHB Peringkat Nasional, Tahun 2010 hingga 2012

Mata Pelajaran	Tahun	Gred A	Gred B	Gred C	Gred D	Gred E	Lulus	Bil Calon	GPMP
Kemahiran Hidup - Kemahiran Teknikal (KHB-KT)	2010	31.3	22.8	26.9	14.8	4.2	95.8	146,524	2.38
	2011	32.2	22.7	25.8	15.7	3.5	96.5	147,649	2.36
	2012	35.4	20.4	26.3	14.8	3.2	96.8	149,795	2.30
Kemahiran Hidup - Ekonomi Rumah Tangga (KHB-ERT)	2010	28.7	20.8	34.8	14.6	1.1	98.9	124,226	2.39
	2011	30.5	20.1	33.2	14.9	1.3	98.7	126,006	2.36
	2012	32.8	19.9	32.2	13.7	1.3	98.7	126,019	2.31
Kemahiran Hidup – Pertanian (KHB-P)	2010	17.8	26.1	30.3	22.7	3.2	96.8	58,414	2.67
	2011	20.4	24.8	29.2	21.9	3.7	96.3	60,664	2.64
	2012	19.3	24.5	30.5	22.0	3.6	96.4	60,852	2.66
Kemahiran Hidup - Perdagangan & Keusahawanan (KHB-PK)	2010	25.9	25.1	27.9	17.8	3.2	96.8	108,429	2.47
	2011	27.8	23.3	30.8	15.9	2.3	97.7	108,159	2.42
	2012	28.7	20.7	32.2	15.9	2.4	97.6	102,351	2.43

Sumber: Lembaga Peperiksaan (2013)

